*Corak rondaan semi-statik berdasarkan beberapa rondaan keselamatan yang ditetapkan oleh bahagian keselamatan UKM. Dengan ini, sistem akan memilih rondaan keselamatan secara rawak dalam sistem.

2.4 CADANGAN KAJIAN

Sistem *Ez-Ronda2* akan merujuk kepada sistem yang sedia ada dan menambahbaik sistem *Ez-Ronda* dengan memasukkan sebahagian ciri dalam sistem sedia ada ke dalam sistem yang akan dibangunkan. Antara ciri yang paling dikeutamakan ialah titik semak seharusnya secara dinamik bagi setiap kali rondaan. Ini kerana bagi mengelirukan penjenayah. Selain itu, sistem *Ez-Ronda2* dicadang menggunakan sistem pengenalan frekuensi radio (RFID). Oleh itu kerana, sistem kedudukan sejagat (GPS) tidak dapat mengesan koordinat jika titik semak di dalam bangunan. Dengan ini, pegawai Wisma Aman tidak dapat melaporkan diri di titik semak yang terletak di dalam bangunan.

Selanjutnya, butang *SOS*, butang kejadian dan butang laporan juga dicadang memasuk ke dalam sistem *Ez-Ronda2*. Fungsi butang *SOS* bagi membolehkan pegawai Wisma Aman terus menghubungi Bahagian Keselamatan UKM untuk mendapatkan bantuan apabila berlaku masalah. Ia membantu dalam masa lebih pantas dan efisien. Fungsi butang laporan ialah membuat laporan terhadap kejadian seperti lampu rosok, curi, kemalangan kebakaran dan sebagainya dengan memuat naik gambar dan menulis mesej. Di samping itu, status sistem *Ez-Ronda2* terdapat 2 mod iaitu mod atas talian dan mod luar talian. Oleh itu kerana, pegawai Wisma Aman masih boleh menggunakan sistem *Ez-Ronda2* jika dalam keadaan tidak ada Internet.

2.5 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pelbagai maklumat berkaitan dengan aplikasi mudah alih dan laman web terhadap sistem rondaan keselamatan, penggunaan sistem rondaan keselamatan untuk mengawalkan keselamatan serta kajian-kajian terhadap aplikasi dan laman web yang sedia melalui kajian lepas telah diketahui dalam kajian kesusasteraan ini. Secara kesimpulannya, proses kajian kesusasteraan ini telah membantu untuk menghasilkan idea baharu, mengadaptasi hasil kajian dan projek dahulu seterusnya membantu untuk memperbaiki kelemahan yang ada pada projek ini sepanjang masa pelaksanaannya.

BAB III

SPEKIFIKASI KEPERLUAN SISTEM

3.1 PENDAHULUAN

Spesifikasi pembangunan system aplikasi akan membincangkan dalam bab ini dengan lebih terperinci. Antara spesifikasi yang akan dibincangkan dalam bab ini adalah keperluan fungsian yang menentukan fungsi operasi sistem dan keperluan bukan fungsian yang menerangkan keperluan yang dilaksanakan untuk menyokong pelaksanaan keperluan fungsian dalam pembangunan sesebuah sistem. Selain itu, spesifikasi lain yang akan dibincangkan dalam bab ini adalah spesifikasi keperluan perkakasan dan perisian, dan seni bina perisian aplikasi.

Bab ini juga akan menghuraikan fasa reka bentuk yang terlibat dalam pembangunan aplikasi ini dengan lebih jelas dan terperinci. Setiap fasa akan dihuraikan dengan jelas supaya aplikasi dan pangkalan web *Ez-Ronda2* dapat digambarkan dengan lebih jelas. Gambar rajah seperti rajah konteks, rajah kes guna dan rajah aktiviti juga akan dibincangkan dalam bab ini.

3.2 KEPERLUAN FUNGSIAN

Keperluan fungsian adalah penting dalam pembangunan sesebuah sistem kerana ia dapat memastikan aplikasi dan pangkalan web yang dibangunkan beroperasi mengikut keperluan fungsian yang ditetapkan. Sistem *Ez-Ronda2* terdapat dua modul, iaitu modul pegawai peronda dan modul bahagian keselamatan UKM . Keperluan pengguna akan menerangkan apa yang perlu dilakukan oleh sistem manakala keperluan sistem pula akan menerangkan perkhidmatan sistem secara terperinci.

3.2.1 Keperluan Pengguna

Aplikasi dan pangkalan web akan dibangunkan dalam sistem ini. Aplikasi ini hanya boleh digunakan oleh pegawai peronda yang memuat turun aplikasi ini manakala pangkalan web hanya boleh digunakan oleh pegawai bahagian keselamatan UKM dan ketua peronda. Antara keperluan fungsi adalah seperti berikut:

3.2.1.1 Keperluan fungsi terhadap Aplikasi *Ez-Ronda2*

a. Fungsi menu pendaftaran akaun pegawai peronda

Aplikasi ini memerlukan pegawai peronda untuk membuat pendaftaran akaun. Keperluan fungsian sistem adalah:

- i. Sistem memerlukan pegawai peronda mendaftarkan maklumat peribadi seperti nama (ID), kata laluan dan email.
- ii. Sistem perlu menghantar email kepada pengguna untuk membuat verifikasi.
- iii. Sistem hanya membenarkan pengguna mendaftarkan akaun dengan verifikasi.
- iv. Sistem juga perlu benar membenarkan pengguna untuk mngemaskini kata laluan mereka.

b. Memintak pertolongan jika menghadapi masalah

Pegawai peronda boleh terus menghubungi Bahagian Keselamatan UKM untuk mendapatkan bantuan apabila berlaku masalah dengan menekan butang *SOS*. Ia akan menjimatkan masa dan lebih efisien.

c. Membuat laporan

Pegawai peronda boleh membuat laporan terhadap kejadian yang berlaku seperti lampu rosok, curi, kemalangan kebakaran dan sebagainya dengan memuat naik gambar dan menulis mesej.

d. Melihat corak dan titik semak rondaan serta daftar diri di titik semak

Pegawai peronda boleh melihat corak dan titik semak rondaan pada hari tertentu. Titik semak dan corak rondaan akan dibagikan secara rawak oleh sistem. Dengan ini, titik semak dan corak rondaan tidak akan sama bagi setiap kali rondaan. Seterusnya pegawai peronda dapat mendaftar diri di titik semak tersebut.

3.2.1.2 Keperluan fungsi terhadap pangkalan web *Ez-Ronda2***a. Melihat laporan dan rekod rondaan**

Pegawai Bahagian Keselamatan UKM dan ketua peronda boleh melihat laporan dan rekod rondaan. Melalui laporan dan rekod rondaan, pegawai bahagian keselamatan UKM dan ketua peronda dapat menentukan pegawai peronda yang terawal dan lewat ke titik semak.

b. Membagikan kerja

Pegawai Bahagian Keselamatan UKM dan ketua peronda boleh membahagikan kerja kepada pegawai peronda melalui pangkalan web. Dengan ini, pegawai peronda dapat melihat corak rondaan dan titik semak rondaan melalui aplikasi *Ez-Ronda2*.

3.3 KEPERLUAN BUKAN FUNGSIAN

Keperluan bukan fungsian merupakan keperluan lain berkecuali dari keperluan fungsian. Secara umum, keperluan bukan fungsian dilaksanakan untuk menyokong pelaksanaan keperluan fungsian. Antara keperluan bukan fungsian untuk sistem *Ez-Ronda2* ini telah dinyatakan dalam jadual 3.1.

Jadual 3.1 Keperluan bukan fungsian untuk sistem rondaan keselamatan

Keperluan Bukan Fungsian	Penjelasan
Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> • Maklumat pengguna merupakan aset utama yang mesti dilindungi supaya tidak tersebar. Hal ini adalah untuk melindungi hak pengguna dan keperibadian mereka.
Kebolegunaan	<ul style="list-style-type: none"> • Reka bentuk antara muka aplikasi dan pangkalan web haruslah mesra pengguna dan ringkas bagi memudahkan pengguna. • Komponen yang digunakan dalam aplikasi dan pangkalan web juga mudah difahami.
Kemudahan	<ul style="list-style-type: none"> • Aplikasi <i>ez-Ronda2</i> dapat dimuat turun oleh semua pengguna yang menggunakan platform Android dan IOS.
Kebolehsediaan	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem ini haruslah sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan operasi aplikasi tidak patut terganggu sekiranya terdapat gangguan capaian Internet

3.4 KEPERLUAN DOMAIN

Keperluan domain adalah keperluan yang menjadi ciri dan kategori tertentu atau domain projek.

- i. Sistem ini dapat membantu pengguna mengadakan rondaan keselamatan dan menjimat masa mereka dalam proses meronda.

3.5 KEPERLUAN PERKAKASAN PERISIAN

Dua jenis spesifikasi keperluan dalam pembangunan aplikasi dan berasaskan web yang akan dibincangkan ialah spesifikasi keperluan perkakasan dan spesifikasi keperluan perisian.

Kedua-dua spesifikasi keperluan tersebut akan digunakan untuk membangunkan sistem rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*.

3.5.1 Spesifikasi Keperluan Perkakasan

Spesifikasi keperluan perkakasan perlu bersesuaian untuk menampung pembangunan sistem kerana setiap perisian yang diguna memerlukan perkakasan yang mempunyai had yang tertentu supaya pembangunan sistem dapat berjalan dengan lancar. Spesifikasi perkakasan komputer dan spesifikasi perkakasan telefon pintar yang akan digunakan dalam kajian ini akan disenaraikan dalam jadual-jadual berikut:

Jadual 3.2 Spesifikasi Keperluan perkakasan Komputer

Kriteria	Spesifikasi
Sistem Pengoperasian (OS)	Window 10
Unit Pemprosesan Utama (CPU)	Intel Core i5
Jenis Sistem	64-bit sistem operasi

Jadual 3.3 Spesifikasi Keperluan Perkhidmatan Telefon Pintar *Android*

Kriteria	Spesifikasi
Sistem Pengoperasian (OS)	Android OS 4.1 ke atas
Unit Pemprosesan Utama (CPU)	2 GB
Cakera Penyimpanan	2GB micro SD

Jadual 3.4 Spesifikasi Keperluan Perkhidmatan Telefon Pintar *IOS*

Kriteria	Spesifikasi
Sistem Pengoperasian (OS)	IOS 7 ke atas

3.5.2 Spesifikasi Keperluan Perisian

Pemilihan keperluan perisian juga sangat penting dalam pembangunan sistem. Pemilihan keperluan perisian yang bersesuaian dapat menyokong pembangun membangunkan aplikasi dan pangkalan web. Antara perisian yang akan digunakan dalam pembangunan aplikasi dan pangkalan web rondaan keselamatan:


Jadual 3.5 Spesifikasi Keperluan Perisian

Perisian	Penerangan
Window 10	Merupakan sistem operasi yang boleh digunakan dalam pembangunan aplikasi ini
Laravel	Membangunkan berasaskan web
Adobe Photoshop	Penyuntingan gambar

3.6 MODUL SISTEM

3.6.1 Rajah Konteks


Gambar rajah konteks merupakan model yang penting dalam pembangunan sesebuah sistem dan gambar rajah yang digunakan untuk menentukan interaksi di dalam penggunaan sistem. Ia dapat menunjukkan nama sistem, entiti luar, dan data input dan output menurut keperluan pengguna supaya pembangunan sistem lebih berkesan dan menepati fungsian. Gambar rajah di bawah merupakan gambar rajah konteks yang menerangkan secara umum tentang sistem *Ez-Ronda2*.




Rajah 3.1 Rajah Konteks sistem Ez-Ronda2

3.6.2 Gambar Rajah Kes Guna

Gambar rajah kes guna merupakan perwakilan interaksi antara pengguna sistem mengikut kes-kes pengguna yang berbeza. Jenis pengguna aplikasi dan kes pengguna dapat diperkenalkan dengan jelas melalui gambar rajah kes guna. Rajah berikut merupakan gambar rajah kes guna bagi aplikasi *Ez-Ronda2* dan pangkalan web *Ez-Ronda2* yang betul dibangunkan.



Rajah 3.2 Gambar Rajah Kes Aplikasi *Ez-Ronda2*

Rajah 3.3 Gambar Rajah Kes Pangkalan web *Ez-Ronda2*

3.6.3 Spesifikasi Kes Guna

3.6.3.1 Spesifikasi Kes Guna terhadap Aplikasi *Ez-Ronda2*

Jadual 3.6 Kes guna mendaftar akaun

Kes ID	UC-1
Kes Guna	Mendaftar akaun
Penindak	Pengguna
Perihal	Pengguna boleh mendaftarkan akaun
Jujukan peristiwa	
Perlakuan pemintak	Tindak balas sistem
<p>1. Pengguna memilih pendaftaran dalam sistem.</p> <p>3. Pengguna mengisikan informasi</p> <p>5. Pengguna menekan butang verifikasi pada email</p>	<p>2. Sistem memerlukan informasi daripada pengguna.</p> <p>4. Sistem akan menghantar satu email kepada pengguna untuk membuat verifikasi</p> <p>5. Jika pengguna menerima email Sistem akan meneruskan kepada log masuk Jika pengguna tidak menerima email Pengguna tersebut tidak dapat log masuk</p>

Jadual 3.7 Kes guna memintak pertolongan

Kes ID	UC-2
Kes Guna	Memintak pertolongan
Penindak	Pengguna
Perihal	Pengguna boleh memintak pertolongan
Jujukan peristiwa	
Perlakuan pemintak	Tindak balas sistem
1. Pengguna menekan butang <i>SOS</i> .	2. Sistem akan mengesan lokasi pengguna dan memaklumkan bahawa sudah berjaya menghantar mesej <i>SOS</i> .

Jadual 3.8 Kes guna log masuk

Kes ID	UC-3
Kes Guna	Log masuk
Penindak	Pengguna
Perihal	Pengguna boleh Log masuk
Jujukan peristiwa	
Perlakuan pemintak	Tindak balas sistem
1. Pengguna mengisi nama dan kata laluan.	2. Sistem akan menerus ke muka surat utama

Jadual 3.9 Kes guna membuat laporan kejadian

Kes ID	UC-4
Kes Guna	Membuat laporan
Penindak	Pengguna
Perihal	Pengguna boleh membuat laporan kejadian
Jujukan peristiwa	
Perlakuan pemintak	Tindak balas sistem
<p>1. Pengguna menekan butang membuat laporan kejadian.</p> <p>3. Pengguna mengisi mesej teks dan memuat naik gambar</p>	<p>2. Sistem akan memintak pengguna mengisi mesej teks dan memuat naik gambar</p> <p>4. Sistem akan mengesan lokasi pengguna dan memaklumkan bahawa sudah berjaya membuat laporan</p>

Jadual 3.10 Kes guna melihat corak dan titik semak rondaan serta daftar diri

Kes ID	UC-5
Kes Guna	Melihat corak dan titik semak rondaan serta daftar diri
Penindak	Pengguna
Perihal	Pengguna boleh melihat corak dan titik semak rondaan
Jujukan peristiwa	
Perlakuan pemintak	Tindak balas sistem
<p>1. Pengguna menekan butang corak dan titik semak rondaan</p> <p>3. Pengguna harus pergi ke titik semak yang dinyatakan dan mengimbas tag atau menekan butang daftar diri</p>	<p>2. Sistem akan mengeluarkan maklumat tentang corak dan titik semak rondaan.</p> <p>4. Sistem akan memaklumkan bahawa pendaftaran berjaya.</p>

3.6.3.1 Spesifikasi Kes Guna terhadap Pangkalan web *Ez-Ronda2*

Jadual 3.11 Kes guna log masuk

Kes ID	UC-1
Kes Guna	Log masuk
Penindak	Bahagian Keselamatan UKM
Perihal	Bahagian Keselamatan UKM boleh log masuk ke pangkalan web <i>Ez-Ronda2</i>
Jujukan peristiwa	
Perlakuan pemintak	Tindak balas sistem
1. Pengguna mengisi nama dan kata laluan untuk log masuk ke pangkalan web <i>Ez-Ronda2</i> .	2. Sistem akan menerus ke muka surat utama pangkalan web <i>Ez-Ronda2</i> .

Jadual 3.12 Kes guna melihat laporan dan rekod rondaan

Kes ID	UC-2
Kes Guna	Melihat laporan dan rekod rondaan
Penindak	Bahagian Keselamatan UKM
Perihal	Bahagian Keselamatan UKM boleh melihat laporan dan rekod rondaan
Jujukan peristiwa	
Perlakuan pemintak	Tindak balas sistem
1. Pengguna menekan butang laporan	2. Sistem akan menunjukkan laporan dan rekod rondaan.

Jadual 3.13 Kes guna membahagikan kerja


Kes ID	UC-3
Kes Guna	Membahagikan kerja
Penindak	Bahagian Keselamatan UKM
Perihal	Bahagian Keselamatan UKM boleh membahagikan kerja
Jujukan peristiwa	
Perlakuan pemintak	Tindak balas sistem
1. Pengguna menekan butang membahagikan kerja	2. Sistem akan menyuruh pengguna mengisi maklumat berkaitan rondaan pada hari tertentu.

Jadual 3.14 Kes guna log out


Kes ID	UC-4
Kes Guna	Log keluar
Penindak	Bahagian Keselamatan UKM
Perihal	Bahagian Keselamatan UKM boleh log keluar
Jujukan peristiwa	
Perlakuan pemintak	Tindak balas sistem
1. Pengguna menekan butang log keluar	2. Sistem akan memaklumkan bahawa berjaya log keluar.

3.6.4 Ambar Rajah Aktiviti

Satu operasi sistem dapat digambarkan melalui gambar rajah aktiviti. Setiap aktiviti dalam aplikasi akan disambung dari satu aktiviti kepada aktiviti yang lain supaya pengguna lebih jelas dengan sistem. Rajah di bawah menunjukkan rajah aktiviti aplikasi dan pangkalan web *ez-Ronda2* yang bakal dibangunkan.



Rajah 3.4 Gambar Rajah Aktiviti Aplikasi *Ez-Ronda2*

Rajah 3.5 Gambar Rajah Aktiviti Pangkalan Web *Ez-Ronda2*

3.7 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dokumen spesifikasi keperluan sistem bagi aplikasi dan pangkalan web yang bakal digunakan perlu dilaksanakan secara jelas dan terperinci bagi mengelakkan sebarang masalah yang tidak diingini daripada berlaku. Ia merupakan tulang belakang dalam penghasilan sesebuah sistem. Keperluan fungsian dan keperluan tidak fungsian perlu dijelaskan dalam bab ini bagi memastikan aplikasi dan pangkalan web yang bakal dibangunkan memenuhi objektif yang ditetapkan. Seterusnya, spesifikasi perkakasan dan perisian telah dijelaskan bagi memastikan penggunaan perisian dan perkakasan bersesuaian dan mampu meningkatkan prestasi aplikasi yang akan dibincangkan. Akhirnya, rajah model sistem boleh diperlihatkan melalui rajah konteks, rajah kes guna dan rajah aktiviti supaya ia dapat membantu pembangunan aplikasi dan pangkalan web. Dengan ini, pengguna lebih memahami konsep dan operasi aplikasi tersebut.

BAB IV

REKA BENTUK HASIL APLIKASI DAN WEB

4.1 PENGENALAN

Bab ini akan membicarakan reka bentuk aplikasi dan web yang akan dibangun. Selain itu, gambaran mengenai aplikasi dan web yang akan dibangun dapat diperlihatkan dengan lebih jelas dan akan dijadikan sebagai bantuan yang perlu dipatuhi oleh pembangun sistem dan pengujian sistem. Seterusnya, bab ini juga menerangkan senibina reka bentuk (architecture design) dan reka bentuk antara muka (interface design). Spesifikasi reka bentuk tersebut akan menerangkan dengan lebih mendalam mengenai sistem rondaan keselamatan UKM *Ez-Ronda2*.


4.2 REKA BENTUK SENIBINA

Reka bentuk senibina merupakan satu proses awal dalam pembentukan sistem. Struktur reka bentuk ini menerangkan hubungan kait antara sub-komponen seperti komponen perkakasan dan perisian yang mewujudkan rangka kerja bagi pembangunan sesuatu sistem. Setertusnya, melalui reka bentuk ini, ia juga menunjukkan hubungan antara proses spesifikasi dan reka bentuk serta sering dijalankan secara selari dengan aktiviti spesifikasi yang lain.

Terdapat beberapa model senibina yang boleh digunakan dalam proses pembangunan sesebuah sistem atau aplikasi, sebagai contoh seni bina lapisan, seni bina klien-pelayan dan seni bina carta hierarki modul, pipe-filter dan sebagainya. Bagi sistem rondaan keselamatan ukm *Ez-Ronda2* ini, model senibina yang digunakan adalah senibina klien-pelayan dan senibina carta hierarki modul juga diterangkan bagi menjelaskan lagi spesifikasi sistem ini.

4.2.1 Seni Bina Klien-Pelayan

Seni bina klien-pelayan merupakan dua jenis komponen yang penting iaitu pelanggan (client) dan pelayan (server). Seni bina klien-pelayan ini merupakan hubungan program di mana pelanggan akan memintak perkhidmatan atau sumber daripada pelayan. Rajah 4.1 menunjukkan seni bina sistem rondaan keselamatan UKM *Ez-Ronda2*.




Rajah 4.1 Seni Bina Klien-Pelayan


Sistem rondaan keselamatan UKM *Ez-Ronda2* ini menggunakan seni bina tiga peringkat (*three-tier architecture*) yang terdapat persembahan, pemprosesan terhadap server dan pengurusan data serta proses pangkalan data semasa pengguna membuat permintaan terhadap server. Oleh hal yang demikian, sumbangan internet atau data adalah penting supaya fungsi dalam sistem ini dapat dijalankan dengan lancar. Pelayan pangkalan data ini digunakan untuk menyimpan data tentang maklumat peribadi pengguna dan laporan yang dibuat oleh pengguna serta rekod rondaan. Selain itu, aplikasi mudah alih dan berasaskan web adalah berfungsi untuk mempersembahkan data yang berkaitan supaya pengguna dapat menggunakan aplikasi dan berasaskan web dengan berkesan. Pangkalan data server adalah penting bagi memudahkan aplikasi dan berasaskan web ini menyimpan atau mengakses data.

a. Carta Hierarki Modul

Carta hierarki modul akan menerangkan pecahan setiap modul yang terdapat dalam pembangunan aplikasi dan berasaskan web *Ez-Ronda2*. Antara modul yang akan diterangkan dalam aplikasi *Ez-Ronda2* ialah modul pendaftaran akaun pengguna, modul membuat laporan kejadian, modul mintak pertolongan, modul melihat corak dan titik semak rondaan keselamatan dan modul mendaftarkan diri di titik semak yang ditentukan. Manakala, modul yang akan diterangkan dalam berasaskan web *Ez-Ronda2* ialah modul pendaftaran akaun pengguna, modul membahagikan kerja dan modul melihat laporan dan rekod rondaan keselamatan.




Rajah 4.2 Carta Hierarki Modul aplikasi *Ez-Ronda2*

Rajah 4.3 Carta Hierarki Modul berasakan web *Ez-Ronda2*

b. Modul Pendaftaran Akaun Pengguna Dalam Aplikasi *Ez-Ronda2*

Rajah 4.4 menunjukkan proses pendaftaran akaun pengguna. Modul ini melihatkan pendaftaran maklumat peribadi pengguna ke dalam akaun dan memudahkan pengguna menyimpan data-data ke dalam pangkalan data.



Rajah 4.4 Modul Pendaftaran Akaun Pengguna

c. Modul Membuat dan Memuatnaik Laporan Kejadian Dalam Aplikasi *Ez-Ronda2*


Rajah 4.5 menunjukkan proses membuat dan memuatnaik laporan. Pengguna boleh menulis laporan dengan menulis mesej dan memuatnaik gambar.



Rajah 4.5 Modul membuat dan memuatnaik laporan kejadian

d. Modul Memintak Pertolongan Dalam Aplikasi *Ez-Ronda2*


Rajah 4.6 menunjukkan proses mintak pertolongan oleh pengguna. Pengguna dapat menekan butang *SOS*/ butang kecemasan jika menghadapi apa-apa masalah. Dengan ini, signal kecemasan akan menghantar kepada bahagian keselamatan UKM.



Rajah 4.6 Modul memintak pertolongan

e. Modul Melihat Corak Rondaan dan Titik Semak Rondaan Dalam Aplikasi *Ez-Ronda2*


Rajah 4.7 menunjukkan proses melihat corak rondaan dan titik semak rondaan. Pengguna dapat melihat tugas mereka yang ditentukan oleh ketuanya melalui aplikasi *Ez-Ronda2* pada hari tertentu. Jika pengguna menghadapi masalah mencari titik semak, lokasi titik semak yang ditentukan akan ditunjuk pada peta. Selain itu, masa ke setiap titik semak juga ditentukan.



Rajah 4.7 Modul melihat corak rondaan dan titik semak rondaan

f. Modul mendaftarkan diri di titik semak yang ditentukan dalam aplikasi *Ez-Ronda2*


Rajah 4.8 menunjukkan proses mendaftarkan diri di titik semak yang ditentukan. Pengguna dapat menekan butang mendaftarkan diri jika terletak di dalam lingkungan 10m daripada titik semak yang ditentukan. Selain itu, status kelewatan atau terawal mendaftarkan diri di titik semak yang ditentukan dapat dipaparkan jika pengguna tidak mendaftarkan diri dalam masa yang ditentukan.



Rajah 4.8 Modul mendaftarkan diri di titik semak yang ditentukan

g. Modul Pendaftaran Akaun Pegawai Bahagian Keselamatan UKM dan Ketua Peronda Dalam Web *Ez-Ronda2*


Rajah 4.9 menunjukkan proses pendaftaran akaun pegawai bahagian keselamatan UKM dan ketua peronda. Modul ini melihatkan pendaftaran maklumat peribadi pengguna ke dalam akaun dan memudahkan pengguna menyimpan data-data ke dalam pangkalan data.



Rajah 4.9 Modul Pendaftaran Akaun pegawai bahagian keselamatan UKM dan ketua peronda

h. Modul Melihat Laporan Kejadian dan Rekod Rondaan Keselamatan Dalam Web *Ez-Ronda2*

Rajah 4.10 menunjukkan proses melihat laporan dan rekod rondaan keselamatan. Bahagian Keselamatan UKM boleh melihat semua laporan kejadian dan rekod rondaan keselamatan yang dipaparkan dalam aktiviti laporan dan aktiviti rekod. Selain itu, Bahagian Keselamatan juga boleh melihat semula kepada setiap laporan kejadian yang mengandungi segala maklumat yang berkaitan dengan kejadian tersebut dengan memilih pada laporan yang ingin dipaparkan.



Rajah 4.10 Modul melihat laporan kejadian dan rekod rondaan keselamatan

i. Modul Membahagikan Kerja Dalam Web *Ez-Ronda2*

Rajah 4.11 menunjukkan proses membahagikan kerja kepada peronda. Ketua peronda dapat membahagikan kerja kepada peronda pada hari tertentu mengikut peralihan kerja .




Rajah 4.11 Modul membahagikan kerja

4.3 REKA BENTUK PANGKALAN DATA

Reka bentuk pangkalan data merupakan reka bentuk logikal struktur atas penyusunan data untuk penyimpanan data

4.3.1 Entity Relationship Diagram (ERD)


Entity Relationship Diagram (ERD) adalah teknik pemodelan data yang menggambarkan entiti sistem maklumat dan hubungan antara entiti tersebut secara grafik. Ia juga merupakan asas bagi membina pangkalan data dan menghuraikan struktur pangkalan data dan transaksi capaian serta kemaskini kepada pangkalan data. Rajah 4.12 menunjukkan ERD aplikasi *Ez-Ronda2*.




Rajah 4.12 ERD Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*

4.3.2 RAJAH URUTAN


Rajah Urutan adalah rajah menunjukkan objek dalam sistem berinteraksi antara objek lain. Objek boleh menghantar data atau memanggil kaedah untuk melaksanakan tugas semasa pengguna mengisi, membuat pilihan dalam Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*. Rajah-rajah berikut menunjukkan bagaimana objek dalam Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda* berfungsi.




Rajah 4.13 Rajah Urutan Pendaftaran Akaun




Rajah 4.14 Rajah Urutan LogMasuk Pengguna



Rajah 4.15 Rajah Urutan LogMasuk Bahagian Keselamatan UKM



Rajah 4.16 Rajah Urutan Membuat Laporan Kejadian



Rajah 4.17 Rajah Urutan Melihat Titik Semak dan Corak Rondaan serta Daftar Diri

4.3.3 Kamus Data

Pembinaan kamus data sangat penting bagi proses penyimpanan data secara sistematik dan data mudah dicapai. Kamus data adalah satu glosari bagi setiap kelas, atribut dan kaedah kepada pihak pengaturcaraan atau pembangunan sistem sebagai rujukan. Tujuan kamus data adalah menetapkan setiap atribut dalam pangkalan data tidak dibina dengan nama yang lain. Jadual-jadual berikut menunjukkan kamus data berdasarkan setiap kelas dalam Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*.

Jadual 4.1 Kamus Data Pengguna

Atribut	Jinis Data	Saiz Data	Penerangan
Peronda_id	Varchar	5	ID bagi peronda
Peronda_password	Varchar	8	Kata laluan bagi akaun peronda
Peronda_email	Integer	11	Email pengguna untuk verifikasi akaun
Peronda_longitude	Integer	25	Garis menegak bagi lokasi pengguna semasa
Peronda_latitude	Integer	25	Garis menintang bagi lokasi pengguna semasa

Jadual 4.2 Kamus Data Bahagian Keselamatan UKM

Atribut	Jinis Data	Saiz Data	Penerangan
Bhg_id	Varchar	5	ID bagi Bahagian Keselamatan UKM
Bhg_password	Varchar	8	Kata laluan bagi akaun bahagian keselamatan UKM

Jadual 4.3 Kamus Data Ketua Peronda

Atribut	Jinis Data	Saiz Data	Penerangan
ketua_id	Varchar	5	ID bagi Ketua Peronda
ketua_password	Varchar	8	Kata laluan bagi akaun ketua peronda

Jadual 4.4 Kamus Data Laporan Kejadian

Atribut	Jinis Data	Saiz Data	Penerangan
Laporan_id	Varchar	5	ID bagi laporan
Laporan_gambar	Varchar	8	Gambar bukti kejadian
Laporan_mesej	Mediumtext	255	Komen kejadian
Laporan_lokasi	Integer	25	Tempat kejadian
Laporan_masa	Time	-	Masa laporan yang dibina
Peronda_id	Varchar	5	Id bagi Peronda
Laporan_kes	Varchar	25	Tajuk Kes laporan

Jadual 4.5 Kamus Data Rondaan

Atribut	Jinis Data	Saiz Data	Penerangan
rondaan_id	Varchar	5	ID bagi Corak Rondaan
rondaan_daftar_masa	Time	-	Masa peronda daftar ke dalam akaun
rondaan_logkeluar_masa	Time	-	Masa peronda log keuar akaun
rondaan_shif_pagi	Time	-	Rondaan shif pagi
rondaan_shif_petang	Time	-	Rondaan shif petang
rondaan_shif_malam	Time	-	Rondaan shif malam
Peronda_id	Varchar	5	ID bagi peronda
ketua_id	Varchar	5	ID bagi Ketua Peronda

Jadual 4.6 Kamus Data Track Rondaan

Atribut	Jinis Data	Saiz Data	Penerangan
Lokasi_titik	Integer	25	Lokasi Titik
Lokasi_titik_logmasuk	Time	-	Masa log masa di titik lokasi
Lokasi_titik_tarikh	Date	-	Tarikh melawat ke titik semak

Jadual 4.7 Kamus Data Laporan Rondaan

Atribut	Jinis Data	Saiz Data	Penerangan
Peronda_id	Varchar	5	ID bagi peronda
Lpr_id	Varchar	8	ID bagi laporan rondaan
Lokasi_titik	Integer	25	Lokasi Titik
Lokasi_titik_logmasuk	Time	-	Masa log masa di titik lokasi
Lpr_status	Varchar	25	Status rondaan
Lokasi_titik_tarikh	Date	-	Tarikh melawat ke titik semak
Zon_id	Integer	25	Zon lokasi


4.4 REKA BENTUK ANTARA MUKA

Reka bentuk antara muka yang mudah dan mesra pengguna dapat membantu pengguna memahami dan menggunakan aplikasi dan berasaskan web ini dengan berkesan. Matlamat reka bentuk antara muka adalah untuk menjadi interaksi pengguna lebih mudah dan cekap. Antara muka bertindak sebagai medium perantara antara pengguna dan aplikasi serta berasaskan web. Reka bentuk antara muka juga dilakar bagi memberi gambaran awal kepada pengguna dan pembangun aplikasi.

Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2* disediakan untuk memberikan pengguna membuat rondaan. Berikut adalah menunjukkan reka bentuk antara muka Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*.

4.4.1 Reka Bentuk Antara Muka Pendaftaran Akaun Aplikasi

Rajah 4.18 menunjukkan reka bentuk antara muka pendaftaran akaun. Borang pendaftaran kepada pengguna kali pertama mengguna Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2* dan ingin mendaftarkan akaun. Kotak-kotak yang disediakan pada antara muka pendaftaran akaun harus diisikan oleh pengguna untuk mendaftarkan akaun. Selepas pengguna mengisi borang pendaftaran, pengguna boleh menekan butang “*Register*” dan borang pendaftaran pengguna akan menghantar ke Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Raonda2*.



Rajah 4.18 Reka Bentuk Antara Muka Pendaftaran Akaun Aplikasi

4.4.2 Reka Bentuk Antara Muka Log Masuk Akaun Aplikasi

Rajah 4.19 menunjukkan reka bentuk antara muka log masuk akaun bagi pengguna. Pengguna dapat log masuk ke dalam Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2* selepas mengisi ID dan kata laluan serta *OTP* yang betul. Satu mesej akan diterima oleh pengguna selepas pengguna menekan butang “*Request*” *OTP*. Dalam message tersebut 6-digit nombor *OTP* akan diterima oleh pengguna. Di samping itu, pengguna dapat menekan butang “*Forget Password*” jika pengguna lupa kata laluannya supaya sistem dapat memberikan pengguna mengubahsuai kata laluan mereka. “*Don't have account? Register here*” disediakan kepada pengguna yang kali pertama mengakses kepada Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*.



Rajah 4.19 Reka Bentuk Antara Muka Log Masuk Akaun Aplikasi

4.4.3 Reka Bentuk Antara Muka Halaman Aplikasi


Rajah 4.20 menunjukkan reka bentuk antara muka halaman dalam aplikasi *Ez-Ronda2*. Pengguna dapat mengakses ke muka halaman aplikasi *Ez-Ronda2* selepas berjaya log masuk. Terdapat empat butang pada muka halaman aplikasi *Ez-Ronda2* iaitu “*start patrolling*”, “*Alert/SOS*”, “*Incident*” dan “*End Patrolling*”. Butang “*start patrolling*” ditekan jika pengguna ingin menjalankan rondaan mereka. Selain itu, pengguna dapat menekan butang “*Alert/ SOS*” jika pengguna menghadapi masalah dalam perjalanan mereka dan signal “*Alert/ SOS*” akan menghantar ke Bahagian Keselamatan UKM. Di samping itu, pengguna dapat menekan butang “*Incident*” untuk membuat laporan kejadian. Butang “*End Patrolling*” berfungsi sebagai log keluar.



Rajah 4.20 Reka Bentuk Antara Muka Halaman Aplikasi

4.4.4 Reka Bentuk Antara Muka Mula Rondaan Aplikasi


Rajah 4.21 menunjukkan reka bentuk antara muka mula rondaan dalam aplikasi *Ez-Ronda*. Titik semak pertama dan map sebagai panduan peronda ke titik semak pertama akan dipaparkan kepada pengguna selepas pengguna memulakan rondaan. Selepas pengguna mendaftarkan diri di titik semak pertama, titik semak kedua hanya dapat dipaparkan kepada pengguna. Selain itu, masa melawat ke setiap titik semak yang ditetapkan akan dipaparkan kepada pengguna. Pengguna dapat mendaftarkan diri di titik semak yang ditetapkan dengan menekan butang “check in” yang disediakan.



Rajah 4.21 Reka Bentuk Antara Muka Mula Rondaan Aplikasi

4.4.5 Reka Bentuk Antara Muka Laporan Kejadian Aplikasi


Rajah 4.22 menunjukkan reka bentuk antara muka laporan kejadian dalam aplikasi *Ez-Ronda2*. Pengguna dapat menaikkan gambar kejadian dan lokasinya serta membuat satu laporan yang pendek terhadap kejadian tersebut. Pengguna dapat menekan butang “*report incident*” selepas pengguna mengisi semua maklumat. Oleh itu, laporan kejadian akan menghantar ke Sistem Keselamatan Rondaan UKM *Ez-Ronda2*.



Rajah 4.22 Reka Bentuk Antara Muka Laporan Kejadian Aplikasi

4.4.6 Reka Bentuk Antara Muka Pendaftaran Akaun Berasaskan Web

Rajah 4.23 menunjukkan reka bentuk antara muka pendaftaran akaun. Borang pendaftaran kepada pegawai Bahagian Keselamatan UKM kali pertama mengguna Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2* dan ingin mendaftarkan akaun. Kotak-kotak yang disediakan pada antara muka pendaftaran akaun harus diisikan oleh pegawai Bahagian Keselamatan UKM untuk mendaftarkan akaun. Selepas pegawai Bahagian Keselamatan UKM mengisi borang pendaftaran, pegawai Bahagian Keselamatan UKM boleh menekan butang “*Register*” dan borang pendaftaran pengguna akan menghantar ke Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Raonda2*.



The image shows a web browser window titled "Ez-Ronda2". In the top right corner of the browser window, there is a "Log In" link. The main content area of the page is titled "REGISTER ACCOUNT". Below the title, there is a circular icon representing a user profile. Underneath the icon, there are three input fields: "ID", "Password", and "Re-password". At the bottom of the form, there is a dark button labeled "Register". A large, diagonal watermark reading "Copyright @ FTSM" is overlaid on the entire image.

Rajah 4.23 Reka Bentuk Antara Muka Pendaftaran Akaun Berasaskan Web

4.4.7 Reka Bentuk Antara Muka Log Masuk Akaun Berasaskan Web

Rajah 4.24 menunjukkan reka bentuk antara muka log masuk akaun bagi pegawai Bahagian Keselamatan UKM. Mereka dapat log masuk ke dalam Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2* selepas mengisi ID dan kata laluan yang betul. Pegawai Bahagian Keselamatan UKM dapat menekan butang “*Forget Password*” jika pengguna lupa kata laluannya supaya sistem dapat memberikan mereka mengubahsuai kata laluan mereka. “*Don’t have account? Register here*” disediakan kepada pengguna yang kali pertama mengakses kepada Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*.




The screenshot shows a web browser window titled "Ez-Ronda2". The page has a navigation bar with "Log In" and "Register" links. The main content area is titled "LOG IN" and contains two text input fields labeled "ID" and "Password". Below these fields is a dark "Log In" button. At the bottom of the form, there are two blue hyperlinks: "Lupa kata laluan" and "Tiada akaun? daftar sekarang".

Rajah 4.24 Reka Bentuk Antara Muka Log Masuk Akaun Berasaskan Web

4.4.8 Reka Bentuk Antara Muka Lokasi Titik Semak Berasaskan Web

Rajah 4.25 menunjukkan reka bentuk antara muka lokasi titik semak. Longitude dan latitude bagi lokasi-lokasi titik semak disimpan dalam Sistem Prondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*. Butang tambah disediakan bagi pegawai Bahagian Keselamatan UKM jika mereka ingin menambah titik semak rondaan keselamatan.




Location	Longitude	Latitude
Kolej Pendeta Zaaba	123.51.1616	123.51.1616
Koleh Ibu Zein	123.51.1616	123.51.1616
Fakulti Sains Dan Teknologi	123.51.1616	123.51.1616
Fakulti Kejuruteraan Seni Bina	123.51.1616	123.51.1616


Rajah 4.25 Reka Bentuk Antara Muka Lokasi Titik Semak Berasaskan Web

4.4.9 Reka Bentuk Antara Muka Laporan Kejadian Berasaskan Web

Rajah 4.26 menunjukkan reka bentuk antara muka laporan kejadian berasaskan web. Pegawai Bahagian Keselamatan UKM dapat melihat laporan kejadian yang dibuat oleh pengguna melalui aplikasi *Ez-Ronda2*. Laporan yang lengkap seperti yang ditunjukkan di rajah 4.27 jika Pegawai Bahagian Keselamatan UKM menekan butang “*details*” yang disediakan. Selain itu, Pegawai Bahagian Keselamatan UKM boleh menekan butang “*solved*” jika masalah sudah diselesaikan.




Rajah 4.26 Reka Bentuk Antara Muka Laporan Kejadian Berasaskan Web



Rajah 4.27 Reka Bentuk Antara Muka Maklumat Laporan Kejadian Berasaskan Web

4.4.10 Reka Bentuk Antara Muka Laporan Rondaan Berasaskan Web

Rajah 4.28 menunjukkan reka bentuk antara muka laporan rondaan. Selepas pengguna aplikasi *Ez-Ronda2* mendaftarkan diri di titik semak yang ditetapkan, satu laporan akan dijanakan dan Pegawai Bahagian Keselamatan UKM dapat melihat masa pengguna mendaftarkan diri di titik semak yang ditetapkan. Jika pengguna lewat mendaftarkan diri di titik semak, status pengguna pada titik semak itu akan memaparkan lewat.




The screenshot shows a web browser window titled "Ez-Ronda2". In the top right corner, there is a "Log In" button. Below it, the heading "Patrol Report" is displayed. There are two dropdown menus: "Staff:" with the value "S001" and "Date:" with the value "18/11/2019". Below these is a table with the following data:

No	Location	Time	Date	Status
1	Kolej Pendeta Zaaba, Blk A	13:15:15 PM	18/11/2019	On time
2	Kolej Ibu Zain	13:15:15 PM	19/11/2019	Late
3	FTSM	13:15:15 PM	20/11/2019	Too Early
4	FKAB	13:15:15 PM	21/11/2019	On time
5	DECTAR	13:30:15 PM	22/11/2019	On time
6	Kolej Pendeta Zaaba, Blk H	14:00:15 PM	23/11/2019	On time

Rajah 4.28 Reka Bentuk Antara Muka Laporan Rondaan Berasaskan Web

4.4.11 Reka Bentuk Antara Muka Membahagikan Kerja Mengikut Shift Berasaskan Web

Rajah 4.29 menunjukkan reka bentuk antara muka membahagikan kerja mengikut shif. Ketua peronda haruslah smembahagikan kerja mengikut zon dan shif kepada peronda setiap hari.



The screenshot shows a web browser window titled 'Ez-Ronda2'. In the top right corner, there is a 'Log In' link. The main content area is titled 'Shift' and contains a form with the following fields:

- Staff: A dropdown menu with 'S001' selected.
- Date: A date picker showing '18/11/2019'.
- Shift: A dropdown menu with 'Pagi' selected.
- Time: Three dropdown menus for '08', '00', and 'AM'.
- Zone: A dropdown menu with 'A' selected.

Rajah 4.29 Reka Bentuk Antara Muka Membahagikan Kerja Mengikut Shif Berasaskan Web

4.5 REKA BENTUK ALGORITMA


Algorithm merupakan proses atau set peraturan yang perlu diikuti dalam pengiraan atau operasi penyelesaian masalah yang lain terutamanya oleh komputer. Ia haruslah dirangka untuk memudahkan proses pembangunan Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2* untuk semua pengguna.

4.5.1 Carta Aliran

Reka bentuk carta aliran digunakan untuk menggambarkan seluruh proses sistem di samping itu ia menjelaskan pemahaman tentang aliran sesuatu atur cara. Berikut merupakan carta liran berkaitan fungsi-fungsi yang disediakan untuk Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*.

a) Carta Aliran Proses Membuat Laporan


Rajah 4.30 menunjukkan proses membuat laporan dalam aplikasi *Ez-Ronda2*.



Rajah 4.30 Proses Membuat Laporan Kejadian dalam Aplikasi *Ez-Ronda2*

b) Carta Aliran Proses Melihat Corak Rondaan dan Titik Semak Rondaan

Rajah 2.31 menunjukkan proses memaparkan corak rondaan dan titik semak rondaan kepada pengguna untuk menjalankan rondaan mereka.



Rajah 2.31 Proses Melihat Corak Rondaan dan Titik Semak Rondaan

4.6 KESIMPULAN

Bab ini merupakan dokumentasi bertulis yang sangat penting bagi memberikan gambaran yang jelas kepada pembangun sistem dan pengguna. Pelbagai disertakan bagi memudahkan pembangunan sistem dan pengguna memahami proses pembangunan sistem. Selain itu, ia juga membantu dalam penghasilan sistem yang memenuhi keperluan dan permintaan pengguna.

Copyright@FTSM

BAB V

PEMBANGUNAN SISTEM


5.1 PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan pelaksanaan pembangunan dan pengujian sistem ke atas fungsi yang terkandung dalam Sistem Rondaan Keselamatan UKM. Bagi memastikan sistem yang dibangunkan dapat memberikan output yang dihendaki, proses pembangunan dan pengujian perlu dilaksanakan. Pembetulan pada sistem dilakukan sekiranya terdapat sebarang ralat dan kesalahan semasa proses pembangunan dan pengujian dijalankan. Dengan melalui fasa ini, sistem dijana dapat dipastikan berjalan dengan lancar mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Pembangunan merupakan proses implementasi sistem yang direalisasikan di suasana yang sebenar. Proses pembangunan sistem ini merupakan kod aturcara untuk menghasilkan sebuah sistem yang boleh berfungsi dengan baik. Pengujian yang menyeluruh perlu dijalankan sebelum sistem digunakan oleh pengguna. Hal ini untuk memastikan sistem ini berfungsi dengan baik dan berkualiti.

5.2 PEMBANGUNAN SISTEM

Bahasa yang digunakan dalam pembangunan Sistem Rondaan Keselamatan UKM adalah *PHP* dan *JavaScript*. Selain itu, *phpMyAdmin* merupakan pangkalan data yang diaplikasikan untuk menyimpan data. Selanjutnya, *API* yang telah digunakan untuk pangkalan data ialah *Google Maps API*. Rajah 5.1 menunjukkan antara muka *Laravel Blade* semasa aktiviti pembangunan Sistem Rondaan Keselamatan UKM dijalankan. Rajah 5.2 menunjukkan antara contoh fail dalam projek Sistem Rondaan Keselamatan UKM. Manakala, rajah 5.3 menunjukkan *phpMyAdmin* untuk pangkalan data.



```

26 Auth::routes();
27
28 Route::get('/home', 'HomeController@index');
29 Route::get('users/logout', 'Auth\AdminLoginController@userLogout')->name('user.logout');
30
31 Route::prefix('admin')->group(function(){
32 Route::get('/login', 'Auth\AdminLoginController@showLoginForm')->name('admin.login');
33 Route::post('/login', 'Auth\AdminLoginController@login')->name('admin.login.submit');
34 Route::get('/', 'AdminController@index')->name('admin.home');
35 Route::get('/logout', 'Auth\AdminLoginController@logout')->name('admin.logout');
36
37 // Password reset routes
38 Route::post('/password/email', 'Auth\AdminForgotPasswordController@sendResetLinkEmail')->name('admin.password.reset.request.confirmation');
39 Route::get('/password/reset', 'Auth\AdminForgotPasswordController@showLinkRequestForm')->name('admin.password.reset');
40 Route::post('/password/reset', 'Auth\AdminResetPasswordController@reset')->name('admin.password.reset.confirmation');
41 Route::get('/password/reset/{token}', 'Auth\AdminResetPasswordController@showResetForm')->name('admin.password.reset.verify');
42
43
44 Route::get('/report', 'AdminController@reporlist');
45 Route::get('report/{id}', 'AdminController@policeReport');
46 Route::post('id/{zonlist-id}', 'AdminController@policeSchedule');


```

```


[Thu May 7 23:39:14 2020] 127.0.0.1:55162 Closing
[Thu May 7 23:39:14 2020] 127.0.0.1:55164 Accepted
[Thu May 7 23:39:14 2020] 127.0.0.1:55164 [200]: GET /favicon.ico
[Thu May 7 23:39:14 2020] 127.0.0.1:55164 Closing

```

Rajah 5.1 Aktiviti pembangunan Sistem Rondaan Keselamatan UKM dengan Laravel



Rajah 5.2 Contoh fail dalam projek Sistem Rondaan Keselamatan UKM Ez-Ronda2



Rajah 5.3 Antara Muka phpMyAdmin


5.3 ANTARA MUKA SISTEM

ANTARA MUKA Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2* adalah ringkas dan teratur supaya mudah difahami oleh pengguna. Penyusun kemas dan ringkas dapat memberi gambaran yang menyenangkan hati pengguna.

Bahagian ini akan menerangkan antara muka pengguna bagi Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2* dan disertai dengan penjelasan terhadap fungsi-fungsi dan pautan untuk antara muka pengguna tersebut. Rajah 5.4 hingga Rajah 5.22 menunjukkan antara muka pengguna Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*.

5.3.1 ANTARA MUKA HALAMAN UTAMA


Rajah 5.4 menunjukkan antara muka halaman utama bagi pengguna seperti peronda Wisma Aman. Bar navigasi yang disediakan pada halaman utama dapat mempin pengguna ke pendaftaran akaun atau log masuk.




Rajah 5.4 Antara Muka Halaman Utama

5.3.2 ANTARA MUKA LOG MASUK & PENDAFTARAN AKAUN & MENETAPKAN SEMULA KATA LALUAN

Antara muka log masuk dan pendaftaran akaun merupakan antara muka yang membolehkan pengguna log masuk dan mendaftarkan akaun baru. Selain itu, pengguna dapat menekan *forget your password* yang disediakan jika pengguna lupa kata laluan akaun dan cara untuk menetapkan semula kata laluan akan menghantar ke email pengguna. Rajah 5.5 menunjukkan antara muka log masuk. Rajah 5.6 menunjukkan antara muka pendaftaran akaun kepada pengguna. Manakala, Rajah 5.7 menunjukkan antara muka menetapkan semula kata laluan bagi pengguna.




Rajah 5.5 Antara Muka Log Masuk bagi Pengguna



The screenshot shows a web application interface with a dark navigation bar at the top containing the following menu items: Laravel, Create New Checkpoint, View Incident, Create Incident, Shift, SOS, Schedule, Report, Login, and Register. The main content area features a white 'Register' form with the following fields: Name, E-Mail Address, Password, and Confirm Password. A blue 'Register' button is positioned at the bottom right of the form.

Rajah 5.6 Antara Muka Pendaftaran Akaun bagi Pengguna




The screenshot shows a web application interface with a dark navigation bar at the top containing the following menu items: Laravel, Create New Checkpoint, View Incident, Create Incident, Shift, SOS, Schedule, Report, Login, and Register. The main content area features a white 'Reset Password' form with an 'E-Mail Address' field and a blue 'Send Password Reset Link' button.

Rajah 5.7 Antara Muka Menetapkan Semula Kata Laluan


5.3.3 ANTARA MUKA JADUAL WAKTU RONDAAN & MULA RONDAAN

Rajah 5.8 menunjukkan antara muka jadual waktu rondaan. Peronda dapat menyemak waktu bertugas yang disusun oleh pegawai Bahagian Keselamatan UKM dan mula meronda. Manakala, Rajah 5.9 menunjukkan mula rondaan dalam Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*. Titik semak pertama dan map sebagai bantuan peronda ke titik semak akan dipaparkan kepada pengguna selepas pengguna memulakan rondaan. Jarak antara pengguna dan titik semak akan ditunjuk pada kotak kosong. Dengan ini, pengguna dapat melawat ke lokasi yang ditetapkan dengan tepat. Pengguna dapat mendaftarkan diri di titik semak yang ditetapkan dengan menekan butang “*check in*” yang disediakan.



Police in Charge	Zone UKM	Starting time	
1	5	2020-05-02 17:20:00	View Schedule
2	1	2020-05-07 14:00:00	View Schedule
2	2	2020-05-07 15:45:00	View Schedule


Rajah 5.8 Antara Muka Jadual Waktu Rondaan



Rajah 5.9 Antara Muka Mula Rondaan

5.3.4 ANTARA MUKA LAPORAN KEJADIAN


Rajah 5.10 menunjukkan antara muka laporan kejadian dalam Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*. Pengguna hendaklah mengisi tajuk laporan dan membuat satu laporan yang pendek terhadap kejadian tersebut. Selain itu, pengguna dapat menaikkan gambar dengan menekan butang “*choose file*” terhadap kejadian. Pengguna dapat menekan butang “*report incident*” selepas pengguna mengisi semua maklumat. Dengan ini, laporan kejadian yang dibuat akan dilihat oleh Pegawai Wisma Aman.



Rajah 5.10 Antara Muka Laporan Kejadian

5.3.5 ANTARA MUKA MEMINTAK PERTOLONGAN (SOS/Alert)


Rajah 5.11 menunjukkan antara muka memintak pertolongan dalam Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*. Pengguna dapat menekan butang yang disediakan jika menghadapi masalah atau kecemasan dalam perjalanan.



Rajah 5.11 Antara Muka Memintak Pertolongan (SOS/Alert)


5.3.6 ANTARA MUKA LOG MASUK & PENDAFTARAN AKAUN BAGI PENTADBIR

Rajah 5.12 menunjukkan antara muka log masuk kepada pegawai Bahagian Keselamatan UKM. Manakala, Rajah 5.13 menunjukkan antara muka pendaftaran akaun. Borang pendaftaran kepada pegawai Bahagian Keselamatan UKM kali pertama mengguna Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2* dan ingin mendaftarkan akaun.



The screenshot displays the 'Admin Login' interface. At the top, a dark navigation bar contains the following menu items: 'Laravel', 'Create New Checkpoint', 'View Incident', 'Create Incident', 'Shift', 'SOS', 'Schedule', 'Report', 'Login', and 'Register'. The central focus is a white login form titled 'Admin Login'. It includes an 'E-Mail Address' input field, a 'Password' input field, a 'Remember Me' checkbox, and two buttons: a blue 'Login' button and a 'Forgot Your Password?' link.

Rajah 5.12 Antara Muka Log Masuk Bagi Pentadbir




The screenshot displays the 'Register' interface. At the top, a dark navigation bar contains the following menu items: 'Laravel', 'Create New Checkpoint', 'View Incident', 'Create Incident', 'Shift', 'SOS', 'Schedule', 'Report', 'Login', and 'Register'. The central focus is a white registration form titled 'Register'. It includes four input fields: 'Name', 'E-Mail Address', 'Password', and 'Confirm Password'. A blue 'Register' button is positioned at the bottom of the form.


Rajah 5.13 Antara Muka Pendaftaran Bagi Pentadbir

5.3.7 ANTARA MUKA LOKASI TITIK SEMAK

Rajah 5.14 menunjukkan antara muka senarai zon. Pegawai Bahagian Keselamatan UKM dapat menambahkan zon terhadap Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2* melalui antara muka ini. Selain itu, Rajah 5.15 menunjukkan antara muka senarai titik semak. Titik semak bagi peronda meronda disenarai pada antara muka ini. Pegawai Bahagian Keselamatan UKM dapat menguabuahsuai dengan menambah atau memadam titik semak. Manakala, Rajah 5.17 menunjukkan antara muka menambah titik semak.




Rajah 5.14 Antara Muka Senarai Zon Bagi Pentadbir




Rajah 5.15 Antara Muka Senarai Titik Semak Bagi Pentadbir

5.3.8 ANTARA MUKA LAPORAN KEJADIAN

Rajah 5.17 menunjukkan antara muka laporan kejadian Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*. Pegawai Bahagian Keselamatan UKM dapat melihat laporan yang dibuat oleh pengguna. Pegawai Bahagian Keselamatan UKM dapat menekan butang “*Solved*” jika masalah tersebut telah diselesaikan. Manakala, Rajah 5.18 menunjukkan antara muka maklumat laporan kejadian. Maklumat seperti peronda indentiti, lokasi kejadian dan penerangan kejadian akan dinyatakan.




Rajah 5.17 Antara Muka Laporan Kejadian Bagi Pentadbir




Rajah 5.18 Antara Muka Maklumat Laporan Kejadian Bagi Pentadbir

5.3.9 ANTARA MUKA LAPORAN RONDAAN

Rajah 5.19 menunjukkan antara muka senarai nama peronda manakala Rajah 5.20 menunjukkan antara muka senarai jadual peronda. Nama peronda dan Jadual bertugas akan disenaraikan selepas pegawai bahagian Keselamatan UKM membahagikan kerja. Selain itu, Rajah 5.21 menunjukkan antara muka laporan rondaan. Susunan titik semak yang dlawat dan masa mendaftarkan diri di titik semak yang ditetapkan akan memaparkan pada info window. Selanjutnya, lokasi pengguna menekan “*check in*” juga akan dipaparkan pada peta.



Rajah 5.19 Antara Muka Senarai Nama Peronda




Rajah 5.20 Antara Muka Senarai Jadual Perondaan



Rajah 5.21 Antara Muka Laporan Rondaan

5.3.10 ANTARA MUKA MEMBAHAGIKAN KERJA MENGIKUT SHIF

Rajah 5.22 menunjukkan antara muka membahagikan kerja mengikut shif. Ketua peronda dapat membahagikan kerja mengikut zon dan shif kepada peronda setiap hari.



Rajah 5.22 Antara Muka Membahagikan Kerja Mengikut Shif

5.4 Kesimpulan

Bab ini membicarakan tentang proses pembangunan dan pengujian sistem secara mendalam bagi Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*. Fungsi-fungsi terperinci yang terdapat dalam sistem ini telah dijelas secara teliti. Untuk memastikan pembangunan sistem ini berfungsi dengan baik, pengujian dan pengujian antara muka telah dijalankan supaya prestasi keseluruhan sistem dapat mencapai keperluan pengguna dan keperluan sistem. Hasil daripada pengujian tersebut telah berjaya dibina dan beroperasi mencapai objektif.

Copyright@FTSM

BAB VI

PENGUJIAN SISTEM

6.1 PENGENALAN

Proses pengujian untuk sistem yang menyeluruh telah dijalankan untuk memastikan sistem yang dibangunkan menepati keperluan dan dapat berfungsi tanpa sebarang masalah yang kritikal. Antara pengujian sistem yang digunakan adalah kaedah-kaedah pengujian kotak putih dan pengujian kotak hitam.

6.2 PERANCANGAN PENGUJIAN

Pengujian yang dijalankan secara panduan semasa membuat pengujian sistem penyeliaan akan dibincangkan dalam bahagian ini. Proses pengujian akan meneruskan dengan penilaian perancangan.

6.2.1 OBJEKTIF PENGUJIAN

Objektif pengujian ini adalah untuk:

1. Memastikan sistem penyeliaan yang dibina dengan berjaya dan tanpa ralat logik.
2. Memastikan semua keperluan sistem berfungsi yang dinyatakan dalam spesifikasi keperluan telah diimplementasi dalam Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*.

6.2.2 BAHAN DOKUMENTASI PENGUJIAN

Dokumen berikut disediakan untuk menjadi asas rujukan dalam pengujian

1. Spesifikasi Keperluan Sistem Penyelian (SRS)
2. Spesifikasi Reka Bentuk Sistem Penyelian (SDS)

6.2.3 KEPERLUAN SISTEM BERFUNGSI AKAN DIUJI

Semua fungsi yang telah dipilih adalah berdasar kepada sistem berfungsi yang telah dicatat dalam SRS akan menjalankan proses pengujian supaya risiko dan ralat terhadap sistem dapat dikenalpasti.

Jadual 6.1 Keperluan sistem berfungsi sistem penyeliaan

ID Fungsi	Keperluan Sistem Berfungsi	Tahap Risiko	Akan diuji (YA/TIDAK)
F001	Pendaftaran Akaun Pengguna/ Pentadbir	Rendah	TIDAK
F002	Log Masuk Pengguna/ Pentadbir	Rendah	TIDAK
F003	Memintak Pertolongan	Sederhana	TIDAK
F004	Laporan perondaan	Tinggi	YA
F005	Jadual waktu rondaan dan mula rondaan	Tinggi	YA
F006	Membuat dan senarai laporan kejadian	Tinggi	YA
F007	Membahagikan Kerja Mengikut Shif	Tinggi	YA

F008	Senarai Lokasi Titik Semak	Tinggi	YA
------	-------------------------------	--------	----

Berdasarkan jadual 6.2.3.1, keperluan sistem berfungsi Laporan perondaan (F004), Jadual waktu rondaan dan mula rondaan (F005), Membuat dan senarai laporan kejadian (F006), Membahagikan Kerja Mengikut Shif (F007) dan Senarai lokasi titik semak (F008) akan diuji kerana fungsi-fungsi tersebut mempunyai risiko yang tinggi. Laporan Perondaan (F004) mempunyai tahap risiko yang tinggi kerana fungsi ini akan memaparkan laporan perondaan bagi setiap peronda pada masa ke masa. Melalui fungsi tersebut, pegawai Wisma Aman UKM dapat membaca status peronda tersebut ada atau tidak mendaftarkan diri di titik semak yang ditetapkan.

Fungsi yang kedua adalah Fungsi Jadual Waktu Rondaan dan Mula Rondaan (F005). Fungsi tersebut mempunyai tahap risiko yang paling tinggi kerana peronda dapat melihat waktu perondaan mereka pada jadual waktu peronda dan bermula menjalankan tugas mereka di zon yang ditetapkan. Peronda dapat mendaftarkan diri di titik semak yang ditetapkan selepas menekan butang bermula perondaan. Selanjutnya, jarak peronda dan titik semak akan ditunjuk kepada peronda supaya peronda dapat mendaftarkan diri dalam lingkungan yang ditetapkan. Oleh itu, fungsi ini diuji untuk memastikan lokasi yang peronda menekan *check in* dapat ditunjuk pada laporan perondaan dan dilihat oleh pegawai Wisma Aman UKM.

Fungsi selanjutnya adalah Fungsi Membuat Laporan Kejadian (F006). Sebab fungsi ini mempunyai tahap risiko yang tinggi adalah peronda dapat membuat laporan kejadian dengan menaikan gambar kejadian dan mesej yang pendek terhadap kejadian tersebut. Pada masa yang sama, Pegawai Wisma Aman UKM dapat membaca laporan yang dilapor oleh peronda. Perincian seperti nama peronda yang melapor kejadian tersebut, lokasi kejadian, masa dan tarikh serta mesej yang pendek yang ditulis oleh peronda dapat dibaca oleh Pegawai Wisma Aman UKM.

Fungsi yang seterusnya adalah Fungsi Membahagikan Kerja Mengikut Shief (F007). Fungsi ini mempunyai risiko yang tinggi kerana tugas peronda haruslah dibahagikan mengikut shif bergandung oleh Pegawai Wisma Aman UKM pada setiap hari. Jika Pegawai Wisma Amsn UKM tidak membahagikan kerja mengikut shief kepada peronda, ia menyebabkan peronda tidak dapat menjalankan tugas mereka.

Fungsi yang terakhir adalah Fungsi Senarai Lokasi Titik Semak (F008). Fungsi ini mempunyai risiko yang tinggi adalah kerana ini akan menyebabkan titik semak yang didaftar oleh peronda. Selain itu, Pegawai Wisma Aman UKM diberi kuasa menambah zon perondaan dan menambah titik semak di dalam zon tersebut serta memadam titik semak.

Jadual 6.2 Fungsi Akan Diuji

ID Ujian	Fungsi Sistem
1	Laporan perondaan
2	Jadual waktu rondaan dan mula rondaan
3	Membuat laporan kejadian
4	Membahagikan Kerja Mengikut Shif
5	Senarai Lokasi Titik Semak

6.2.4 KAEDAH KAJAIN

Pengujian fungsi (*functional testing*) dan pengujian bukan berfungsi (*non-functional testing*) merupakan pengujian sistem (*system testing*) dan pengujian fungsi (*functional testing*) yang digunakan pada Sistem Perondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2*.

Fungsi Laporan perondaan, Jadual waktu rondaan dan mula rondaan, Membuat laporan kejadian, Membahagikan Kerja Mengikut Shif dan Senarai lokasi titik semak akan diuji melalui kotak hitam pengujian (*black-box testing*) dengan kaedah rajah peralihan keadaan (*state transition diagram*). Rajah peralihan keadaan merupakan salah satu teknik kotak hitam pengujian (*black box testing*).

6.2.5 KRITERIA KELUAR

Panduan dan syarat bagi kualiti merupakan kriteria keluar dan perlu dicapai oleh Sistem Perondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2* semasa proses pengujian. Sistem Perondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2* perlu memenuhi semua syarat berikut :

1. Semua fungsi yang terlibat dengan kod logik tidak boleh berlaku keralatan
2. Kes-kes ujian perlu lulus
3. Tiada kebuntutan (*deadlock*) yang berlaku dalam Sistem Penyeliaan

Sistem boleh membenarkan Wisma Aman UKM menggunakan Sistem Perondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2* sekiranya ia tidak berlaku sebarang keralatan dan memenuhi semua kriteria.

6.3 REKA BENTUK KES UJIAN

Kes Ujian (*test case*), syarat ujian (*test condition*) dan prosedur ujian (*test procedure*) dicatat supaya pengujian boleh dijalankan. Teknik ujian yang akan diguna bagi semua fungsi akan diuji telah dicatat dalam jadual berikut:

Jadual 6.3 Fungsi Ujian

ID Ujian	Keperluan Sistem Berfungsi	Teknik Pengujian
1	Laporan perondaan	Rajah peralihan keadaan (<i>state transistion diagram</i>)
2	Jadual waktu rondaan dan mula rondaan	Rajah peralihan keadaan (<i>state transistion diagram</i>)
3	Membuat dan senarai laporan kejadian	Rajah peralihan keadaan (<i>state transistion diagram</i>)
4	Membahagikan Kerja Mengikut Shif	Rajah peralihan keadaan (<i>state transistion diagram</i>)

5	Senarai Lokasi Titik Semak	Rajah peralihan keadaan (<i>state transition diagram</i>)
---	----------------------------	----------------------------------------------------------------

6.3.1 DATA UJIAN DAN PROSEDUR UJIAN

A. Fungsi Laporan Perondaan

Teknik peralihan keadaan seperti berikut telah digunakan untuk menguji Fungsi Laporan Perondaan:



Rajah 6.1 Rajah Peralihan Kaedaan Fungsi Laporan Perondaan


Fungsi ini hanya satu pengguna iaitu Pegawai Wisma Aman UKM.

1. Pegawai Wisma Amsn UKM


Pegawai Wisma Aman UKM boleh melihat laporan perondaan pada setiap peronda melalui fungsi ini. Untuk memastikan perondaan mengikut corak rondaan yang disediakan, masa peronda mendaftarkan diri di titik semak akan direkodkan dan dipaparkan. Selain itu, lingkungan 5 meter dari titik semak yang disediakan, ia menunjukkan peronda tersebut mendaftarkan diri di titik semak atau tidak.



Rajah 6.2 Pegawai Wisma Aman UKM Menggunakan Fungsi Laporan Perondaan



Rajah 6.3 Pegawai Wisma Aman UKM Menggunakan Fungsi Laporan Perondaan



Rajah 6.4 Pegawai Wisma Aman UKM Menggunakan Fungsi Laporan Perondaan


Jadual 6.4 Kes Ujian Rajah Peralihan Keadaan

Kes Ujian	Syarat Ujian	Penerangan
TC-1-001	Tekan nama peronda	Pegawai Wisma Aman UKM boleh memilih laporan perondaan peronda dengan namanya.
TC-1-002	Tekan jadual waktu perondaan peronda	Pegawai Wisma Aman UKM boleh memilih jadual waktu perondaan peronda yang ingin dilihat.
TC-1-003	Tekan titik semak dan lokasi peronda	Pegawai Wisma Aman UKM boleh menekan titik semak untuk melihat corak rondaan dan Pegawai Wisma Aman UKM juga boleh menekan lokasi peronda untuk melihat masa mendaftarkan diri di titik semak yang ditetapkan serta ia ada berada di dalam linkungan yang ditetapkan atau tidak.

Copyright@FTSM

B. Fungsi Jadual Waktu Rondaan dan Mula Rondaan

Teknik peralihan keadaan seperti berikut telah digunakan untuk menguji Fungsi Jadual Waktu Rondaan dan Mula Rondaan:




Rajah 6.5 Rajah Peralihan Keadaan Fungsi Jadual Waktu Rondaan dan Mula Rondaan

Fungsi ini hanya satu pengguna iaitu peronda.


1. Peronda

Peronda boleh melihat jadual waktu yang dibahagikan oleh Pegawai Wisma Aman UKM. Peronda boleh mendaftarkan diri dengan menekan butang *check in* di titik semak yang dipaparkan pada peta yang disediakan. Selain itu, jarak lokasi titik semak dan lokasi peronda akan ditunjukkan supaya peronda dapat mendaftarkan diri di titik semak yang ditetapkan dengan tepat.



Police in Charge	Zon UKM	Starting time	
1	5	2020-05-12 17:00:00	View Routing
2	1	2020-05-07 14:51:00	View Routing
2	2	2020-05-07 15:43:00	View Routing

Rajah 6.6 Peronda Menggunakan Fungsi Jadual Waktu Rondaan dan Mula Rondaan



My Google Map

Map Satellite

SEKSYEN 14
TAMAN WAWASAN
DESA RAHMAT
TAMAN IMPIAN
TAMAN DESA SENTOSA
DESA SENTOSA
Kolej Pendidikan Zaidin
Bangi
Perumahan Kalkondan Bukit Puteri
ALAM SARI
TAMAN BUKIT PUTERI
Pusat GENIUS @Pasar Negara
TNB Serene Heights
Galeri home
Mutiara Kenung
Map data ©2020 Google Terms of Use Report a map error

Location

0

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20

Checkpoint	Latitude	Longitude	Check-in
KPZ	2.019162	101.779582	<input type="text"/> <input type="button" value="Check in"/>


Rajah 6.7 Peronda Menggunakan Fungsi Jadual Waktu Rondaan dan Mula Rondaan

Jadual 6.5 Kes Ujian Rajah Peralihan Keadaan

Kes Ujian	Syarat Ujian	Penerangan
TC-2-001	Tekan <i>View Routing</i>	Peronda memilih rondaan mengikut ID masing-masing
TC-2-002	Tekan Butang <i>check in</i>	Peronda boleh mendaftarkan diri dengan menekan butang di titik semak yang dipaparkan pada peta yang disediakan.

C. Fungsi Membuat dan Senarai Laporan Kejadian

Teknik peralihan keadaan seperti berikut telah digunakan untuk menguji Fungsi Membuat dan Senarai Laporan Kejadian:



Rajah 6.8 Rajah Peralihan Keadaan Fungsi Membuat Laporan dan Senarai Laporan Kejadian


Fungsi ini akan asing kepada dua pengguna iaitu peronda dan Pegawai Wisma Aman UKM.

1. Peronda

Peronda boleh membuat laporan kejadian semasa mengalami masalah semasa meronda seperti melihat kemalangan. Selain itu, peronda hendaklah mengisi tajuk laporan dan membuat satu laporan yang pendek terhadap kejadian tersebut. Pengguna juga harus menaikkan gambar dengan menekan butang *choose file* terhadap kejadian dan menekan butang *report incident* untuk melaporkan kejadian.


2. Pegawai Wisma Aman UKM

Pegawai Wisma Aman UKM boleh melihat laporan yang dilaporkan oleh peronda. Selain itu, Pegawai Wisma Aman UKM boleh menekan butang *solved* jika masalah yang sudah diselesaikan.



The screenshot shows a web application interface for reporting incidents. At the top, there is a navigation bar with the following items: 'Laravel', 'Create New Checkpoint', 'View Incident', 'Create Incident', 'Shift', 'SOS', 'Schedule', 'Report', 'Login', and 'Register'. The main content area is titled 'Report Incident'. It contains a form with the following elements: a 'Title' field, a 'Description' field with a rich text editor (including bold, italic, underline, and text color options), a 'Choose File' button (with a note 'No file chosen'), and a 'Report Incident' button. A large watermark 'Copyrighted@FTSM' is overlaid diagonally across the image.

Rajah 6.9 Peronda Menggunakan Fungsi Membuat Laporan dan Senarai Laporan Kejadian



Rajah 6.10 Pegawai Wisma Aman UKM Menggunakan Fungsi Membuat Laporan dan Senarai Laporan Kejadian




Rajah 6.11 Pegawai Wisma Aman UKM Menggunakan Fungsi Membuat Laporan dan Senarai Laporan Kejadian

Jadual 6.6 Kes Ujian Rajah Peralihan Keadaan

Kes Ujian	Syarat Ujian	Penerangan
TC-3-001	Tekan <i>Create Incident</i>	Peronda boleh membuat laporan kejadian yang baru dengan mengisi tajuk laporan, mesej pendek kepada laporan tersebut dan gambar kejadian.
TC-3-002	Tekan Butang <i>Report Incident</i>	Selepas mengisi semua maklumat tentang kejadian, peronda boleh menghantar laporan tersebut ke Pegawai Wisma Aman UKM.
TC-3-003	Tekan tajuk laporan	Pegawai Wisma Aman UKM boleh melihat perincian laporan yang dilapor oleh peronda
TC-3-004	Tekan Butang <i>solved</i>	Pegawai Wisma Aman UKM boleh memadam laporan selepas menyelesaikan masalah tersebut

D. Fungsi Membahagikan Kerja Mengikut Shif




Rajah 6.12 Rajah Peralihan Keadaan Fungsi Membahagikan Kerja Mengikut Shif

Fungsi ini akan asing kepda dua pengguna iaitu Pegawai Wisma Aman UKM.

1. Pegawai Wisma Aman UKM

Pegawai Wisma Aman UKM boleh membahagikan kerja peronda mengikut shif. Jika Pegawai Wisma Aman UKM tidak membahagikan kerja kepada peronda, ia akan menyebabkan peronda tidak dapat menjalankan kerja mereka.




Rajah 6.13 Pegawai Wisma Aman UKM Menggunakan Fungsi Membahagikan Kerja Mengikut Shif

Jadual 6.7 Kes Ujian Rajah Peralihan Keadaan

Kes Ujian	Syarat Ujian	Penerangan
TC-4-001	Tekan <i>Shift</i>	Pegawai Wisma Aman UKM boleh membahagikan kerja kepada peronda mengikut zon
TC-4-002	Tekan Butang <i>Set police</i>	Selepas mengisi semua perincian, sahkan kerja tersebut kepada peronda tersebut

E. Fungsi Senarai Lokasi Titik Semak




Rajah 6.14 Rajah Peralihan Keadaan Fungsi Senarai Lokasi Titik Semak


Fungsi ini akan asing kepada dua pengguna iaitu Pegawai Wisma Aman UKM.

1. Pegawai Wisma Aman UKM


Pegawai Wisma Aman UKM boleh menambah zon bagi perondaan. Selanjutnya, Pegawai Wisma Aman UKM boleh menambah dan memadam titik semak di dalam zon.



Rajah 6.15 Pegawai Wisma Aman UKM Menggunakan Fungsi Senarai Lokasi Titik Semak



Rajah 6.16 Pegawai Wisma Aman UKM Menggunakan Fungsi Senarai Lokasi Titik Semak



Rajah 6.17 Pegawai Wisma Aman UKM Menggunakan Fungsi Senarai Lokasi Titik Semak

Jadual 6.8 Kes Ujian Rajah Peralihan Keadaan

Kes Ujian	Syarat Ujian	Penerangan
TC-5-001	Tekan <i>Create New Checkpoint</i>	Pegawai Wisma Aman UKM boleh menambah zon
TC-5-002	Tekan nama zon	Pegawai Wisma Aman UKM boleh melihat senarai titik semak
TC-5-003	Tekan <i>Add checkpoint</i>	Pegawai Wisma Aman UKM boleh menambah titik semak
TC-5-004	Tekan <i>Delete</i>	Pegawai Wisma Aman UKM boleh memadam titik semak

6.4 KESIMPULAN

Dalam fasa pengujian, Laporan perondaan (F004), Jadual waktu rondaan dan mula rondaan (F005), Membuat dan senarai laporan kejadian (F006), Membahagikan Kerja Mengikut Shift (F007) dan Senarai lokasi titik semak (F008) telah menjalankan pengujian kotak hitam, sebanyak 23 kes ujian telah dilaksanakan dengan teknik peralihan keadaan rajah bagi kotak hitam pengujian. Daripada 23 kes ujian tersebut, kes yang lulus pengajian adalah 100%.

Sistem Rondaan Keselamatan UKM *Ez-Ronda2* adalah sedia untuk digunakan oleh Wisma Aman UKM supaya dapat membantu peronda dan Pegawai Wisma Aman UKM menjalankan perondaan mereka dengan lebih senang.

BAB VII

KESIMPULAN

7.1 KESELURUHAN PROJEK

Secara keseluruhan, pembangunan sistem ini dapat meningkatkan dan menaikkan taraf sistem rondaan keselamatan UKM. Teknologi Pengenalan Frekuensi Radio diperkenalkan dalam sistem ini untuk menggantikan Sistem kedudukan sejagat (GPS). Ini demikian kerana, sistem kedudukan sejagat tidak dapat mengesan koordinat jika titik semak dijana di dalam bangunan. Selain itu, corak rondaan yang rawak dan titik semak yang dinamik akan dijanakan oleh sistem untuk mengatasi masalah corak rondaan yang statik. Selanjutnya, beberapa titik semak akan dijana dalam lingkungan 20 meter dari titik lokasi untuk memastikan peronda meronda di kawasan tersebut.

Di samping itu, peronda dapat membuat laporan kejadian dengan memuatnaik gambar dan mesej melalui telefon pintar supaya menjimatkan masa peronda dan lebih senang difahami oleh Bahagian Keselamatan UKM semasa membaca laporan. Seterusnya, pengguna juga dapat memintak pertolongan daripada Bahagian Keselamatan UKM dengan menekan butang *SOS* jika menghadapi masalah semasa meronda. Seperkara lagi, titik semak yang ditentukan akan ditunjuk pada peta kepada peronda. Peronda tidak dapat melihat semua titik semak yang ditentukan, peronda hanya dapat melihat titik semak yang seterusnya selepas mendaftarkan diri di titik semak yang ditentukan.

Berasakan web juga akan dibina untuk sistem rondaan keselamatan UKM Ez-Ronda2. Berasakan web ini digunakan oleh Bahagian Keselamatan UKM untuk melihat laporan yang dibuat oleh peronda dan laporan rondaan mereka. Berasakan web ini juga digunakan oleh ketua peronda untuk membahagikan kerja kepada peronda mengikut shif dan zon.

7.2 KEKANGAN

Dalam melaksanakan projek ini, terdapat beberapa kekangan bagi pembangunan sistem tersebut:

- i. Kos peralatan yang agak mahal untuk mencipta produk ini dengan memasang sistem Radio Frequency Identification (RFID) di titik semak yang terletak di dalam bangunan
- ii. Signal Wi-Fi yang kurang stabil serta terhad dan mungkin tidak dapat dicapai di sebahagian kawasan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

7.3 PENAMBAHBAIKAN MASA DEPAN

Bagi menambahbaikkan Sistem Rondaan Keselamatan UKM untuk mencapai prestasi optimum kepada peronda untuk masa depan. Sistem mendaftarkan diri menggunakan cara daftarkan diri di titik semak dan log keluar di titik semak harus digantikan dengan mengambil gambar di setiap titik semak. Ini kerana, ia dapat memastikan peronda bertugas. Selain itu, fungsi pengiktirafan suara harus ditambah pada modul membuat laporan kejadian. Hal ini demikian kerana, fungsi tersebut dapat menjimatkan masa peronda membuat laporan kejadian semasa meronda.

7.4 KESIMPULAN

Dalam projek Sistem Rondaan Keselamatan UKM ini, telah menyatakan kekangan dan kelebihan bagi Sistem Rondaan Keselamatan UKM. Penambahbaikan dan pengubahsuaian terhadap usulan projek ini akan dijalankan supaya meningkatkan kebolehan Sistem Rondaan Keselamatan UKM supaya keselamatan UKM terjamin.

RUJUKAN

- [1.] Bahaudin, N. H. (n.d.). 1,440 kes jenayah babit pelajar sekolah tahun lalu | Nasional | Berita Harian. Retrieved September 30, 2019, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/489910/1440-kes-jenayah-babit-pelajar-sekolah-tahun-lalu>
- [2.] 2019, A. (n.d.). Statistik Jenayah Indeks Seluruh Malaysia Mengikut Jenis Jenayah, Negeri dan Tahun - STATISTIK KES JENAYAH INDEK SELURUH MALAYSIA 1980-2016 - MAMPU. Retrieved September 30, 2019, from http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-jenayah-indeks-seluruh-malaysia-mengikut-jenis-jenayah-negeri-dan-tahun/resource/9518d01f-42d0-4202-8b28-063d31da3c8f
- [3.] Abdullah, I. (n.d.). Kes jenayah menjadi-jadi,UKM digesa tingkatan keselamatan: Retrieved September 30, 2019, from <http://arkib.harakahdaily.net/arkibharakah/index.php/arkib/berita/lama/2008/11/17969/-kes-jenayah-menjadi-jadiukm-digesa-tingkatan-keselamatan.html>
- [4.] Basir Zahrom. (n.d.). UKM tunggu laporan polis kes pemimpin pelajar diserang | Jenayah / Mahkamah / Tragedi | Berita Harian. Retrieved September 30, 2019, from <https://www.bharian.com.my/node/82106>